

ISSUE #54/14 SEPTEMBER 2025

# GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



*Nuray Istigbal*

TEMUI ISLAM & CAHAYA HIDUP

"ORANG ISLAM BAIK, SENTIASA SENYUM,  
LAYAN SAYA PENUH HORMAT"

# NURAY ISTIQBAL



Permulaan hidupnya mungkin tidak seindah orang lain, namun sama seperti maksud di sebalik namanya, personaliti media sosial Nuray Istiqbal akhirnya berjaya menemui cahaya dalam perjalanan hidupnya.

Menurut Nuray, pemilihan nama baharunya cukup bermakna kerana melambangkan fasa hidup yang sedang dilaluinya kini.

"Maksud disebalik nama Nuray Istiqbal adalah, Istiqbal itu bermaksud permulaan baharu jadi ia sangat sempurna untuk kisah hidup saya dan Nuray itu pula cahaya saya perlukan cahaya itu dalam kehidupan saya.

"Nuray ini bagi saya ibarat cahaya bulan, dalam kegelapan kita bersinar, itu yang saya mahukan dalam kehidupan saya," katanya eksklusif kepada Gempak.

Berkongsi titik tolak yang membawanya mendekati Islam, Nuray mendedahkan bahawa semuanya bermula dengan sesuatu yang sangat sederhana iaitu senyuman dan kebaikan orang Islam yang ditemuinya.

"Selalu saya ceritakan perkara ini kepada orang. Apa yang membuat saya ingin tahu dan mahu belajar tentang Islam adalah kerana kebaikan orang Islam.

"Mereka sentiasa tersenyum, melayan saya dengan penuh baik. Dari situlah saya jatuh cinta pada akhlak dan sikap mereka dahulu sebelum saya mendalami agamanya. Itu bagi saya juga satu bentuk dakwah," ujarinya.



Mengulas tentang bagaimana dirinya kekal istiqamah dalam perjalanan baharu ini, Nuray menekankan pentingnya satu usaha kecil tetapi berterusan setiap hari.

Bagi Nuray, sebagai saudara baharu dia harus kekal belajar untuk mendalami ilmu agama Islam dengan baik.

"Kuncinya adalah terus belajar. Setiap hari, walaupun hanya satu minit atau lima minit, cuba baca al-Quran atau hadith, atau belajar satu ayat baharu.

"Letakkan usaha untuk menyentuh Al-Quran, memahami dan cuba menjadikannya sebahagian daripada kehidupan kita. Itulah istiqamah, bila kita setiap hari berusaha melakukan perkara yang sepatutnya sebagai seorang Muslim," jelasnya.

Nuray Istiqbal Hilang Kawan?

Ada yang bertanya sama ada dirinya kehilangan rakan selepas memilih jalan hijrah.

Namun bagi Nuray, kawan yang sejati akan sentiasa ada, tidak kira apa sekalipun perubahan yang berlaku.

Keluar dari ruang gelap itu, Nuray bersyukur rakan-rakannya sentiasa menyokong apa yang dilakukannya.

"Ramai yang tanya saya adakah saya hilang kawan selepas berhijrah, mengapa saya perlu hilang kawan? Jika benar mereka adalah kawan saya mereka akan sokong apa sahaja yang membuatkan saya gembira.

"Jadi dalam hidup saya tidak pernah ada kawan yang palsu, jadi semua kawan yang saya ada semuanya alhamdulillah baik meskipun hanya dalam komuniti kecil tetapi mereka tetap menyokong apa yang saya buat," tambahnya lagi.

Terdahulu, Nuray menjadi sebutan dalam kalangan peminat sebutan dalam kalangan peminat selepas wanita itu menutup aurat dan menyambut bulan mulia, Ramadan.

Nuray memperlihatkan perubahan imejnya menerusi perkongsian di akaun media sosial termasuk Instagram.

Pada perkongsiannya terdahulu, Nuray memperlihatkan dirinya yang manis bertudung hitam melahirkan rasa bersyukur kerana menyambut Ramadan pertama.

Pada awal 2025, wanita itu juga pernah berkongsi salah satu ruangan di rumah ibu bapanya di Kyoto yang digunakan sebagai ruangan solat. - ASYRAF ROSLAN

## Demonstrasi Indonesia, Berikut 12 Artis Popular Jadi Wakil Rakyat

Demonstrasi besar-besaran yang terjadi di Indonesia baru-baru ini diketahui berpunca kerana ketidakpuasan hati rakyat terhadap pemerintah dan para menteri serta politikus yang disifatkan sebagai tidak 'merakyat'.

Kemarahan juga ditambah dengan sikap kurang sensitif sebahagian ahli dewan rakyat mereka yang dikenali sebagai anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) bergembira menyambut baik kenaikan elaun perumahan sebanyak 50 juta rupiah (RM13,000) sebulan. Namun elaun tersebut dibatalkan susulan gelombang demonstrasi yang tercetus.

Antara anggota DPR yang menimbulkan kebencian dan kemarahan rakyat terdiri dalam kalangan selebriti. Pada pandangan segelintir pihak, ada selebriti yang tidak sepatutnya duduk di kerusi 'pengurusan' hanya kerana dipercayai populariti yang ada mampu menambat hati rakyat memilih parti yang dipayungi.

Menerusi laporan CNNIndonesia, daripada 580 anggota DPR untuk tempoh 2024-2029, 24 daripadanya terdiri dalam kalangan selebriti. Berikut 12 daripada selebriti yang memegang kepercayaan sebagai anggota DPR mewakili parti masing-masing. - MALIAH SURIP

### PARTI GERINDRA

#### Melly Goeslaw

Ini merupakan 'episod' perdana komposer dan penyanyi Melly Goeslaw bergelar anggota DPR selepas menerima undian sebanyak 75,369 suara rakyat.

Melly yang berduka cita dengan insiden demonstrasi memohon maaf kepada rakyat, terutama selepas kes kematian seorang pemandu e-hailang kerana melanggar trak polis.

#### Rachel Maryam

Pelakon Rachel Maryam yang kini berusia 45 tahun sudah lama bergelumbang dalam dunia politik. Bintang filem Janji Joni ini pertama kali menjadi anggota DPR pada edisi 2009-2014 disambung ke 2014-2019 sebelum kekal untuk tempoh 2019-2024 mewakili Jawa Barat 11.

#### Mulan Jameela

Pelantikan Mulan Jameela menjadi anggota DPR mewakili Jawa Barat XI mencetuskan kontroversi kerana imej 'pelakor' yang dilabelkan kepadanya.

#### Ahmad Dhani

Pengasas Dewa 19 yang penuh kontroversi, Ahmad Dhani akhirnya berjaya menjadi 'ahli politik' dan mewakili Jawa Timur 1 dengan 134,227 memilih dirinya sebagai anggota DPR. Namun 'suara' Dhani belum terdengar lantang mengenai demonstrasi yang terjadi.

## PDI PERJUANGAN

### Rano Karno

Aktor veteran, Rano Karno juga merupakan salah seorang selebriti yang sudah dipercayai menjadi anggota DPR mewakili Banten III. Bintang Si Doel Anak Sekolahan yang berusia 61 tahun ini malah telah menjadi Gabenor Banten pada 2014-2017.

### Once Mekel

Solois Once Mekel juga kini 'terjun' ke dunia politik dan menjadi wakil DKI Jakarta II. Once dilihat menghabiskan masa bersama pekerja e hailing atau ojol selepas rusuhan berlaku.

## PARTAI NASDEM

### Nafa Urbach

Penyanyi Nafa Urbach yang menjadi anggota DPR dikatakan sebagai salah seorang 'pemicu' gelombang demonstrasi kerana disifatkan tidak sensitif apabila menyokong elaun perumahan RM13,000 yang diluluskan.

## PAN

### Eko Patrio

Pelawak dan hos Eko Patrio juga merupakan salah seorang ahli politik yang menerima padah kerana dilihat berjoget dan gembira dengan pengumuman elaun perumahan. Kediaman Eko dilaporkan telah 'dijarah' atau dirampas kumpulan penunjuk perasaan.

### Uya Kuya

Nama Uya Kuya menjadi panas selepas dirinya dilihat berjoget dalam dewan DPR sehingga menerima nasib yang sama dengan Eko dan Nafa apabila kediamannya dirampas 'rakyat'. Uya sudah meminta maaf dan menghalalkan barangan yang dicuri daripada kediamannya.

### Sigit Purnomo (Pasha Ungu)

Pasha Ungu bukan nama asing dalam arena politik Indonesia. Namun Pasha 'bersih' dan mendapat pujian apabila menjadi yang terawal menziarah Allahyarham Affan Kurniawan yang terkorban dilanggar trak polis sewaktu demonstrasi memanas.

### Desy Ratnasari

Penyanyi dan pelakon Desy Ratnasari mewakili Jawa Barat IV selepas mendapat 78,306 suara rakyat untuk tempoh 2024-2029.

### Verrell Bramasta

Verrell Bramasta selalu menjadi perhatian sejak dipilih sebagai anggota DPR kerana bukan sahaja petah berbicara dan melontar pandangan tetapi kerana ketampanannya.



## Bila Semua Lelaki Nak Jadi Jodoh Nora Danish

Apabila Nora Danish memberi gambaran hanya dengan sekeping foto yang masih tidak jelas kesahihan bersama tulisan 'babak baharu', habis kecoh dunia media sosial.

Kecoh pengguna media sosial lelaki dan wanita berbeza. Pengguna media sosial wanita sibuk menjadi 'FBI', menggali siapakah gerangan lelaki berkopiah yang fotonya terselit dalam rangkaian perkongsian gambar di Instagram pelakon manis itu.

Dalam sekelip mata, netizen sudah membuat beragam tekaan tentang lelaki yang mungkin sedang mengisi semua cinta di hati wanita yang memegang status ibu tunggal sejak berpisah dengan bekas suami, Nedim pada Jun 2024.

Antara identiti lelaki bertuah yang dikatakan sedang membuat Nora kembali kasmaran adalah seorang duda anak dua ; yang 'dipilih' kerana memiliki ciri foto hampir serupa dengan perkongsian aktris tersebut.

Pada saat netizen wanita sibuk menyiasat latar belakang lelaki yang barangkali akan menjadi jodoh baharu Nora, lain reaksi dengan pihak lelaki.


Netizen lelaki berduyun-duyun membuat perkongsian dan cuitan di media sosial yang lucu ; baik suami orang, duda, warga emas serta mahasiswa - semuanya mengaku mereka adalah lelaki yang foto dengan bahagian kopiah dikongsi Nora sebelum ini.


Mereka mengaku, merekalah jodoh Nora Danish, aktris cantik yang sudah berusia 43 tahun ini namun kekal jelita dan comel seadanya.

Maka saling berbalas 'pick up line' antara netizen lelaki yang mengaku sebagai jodoh Nora.

Semua mahu jadi jodoh Nora Danish. Bayangkan jika seorang janda dengan usia 40-an, mengambil diksi masa kini 'berwajah awam' meletakkan foto sedemikian di media sosial, jangan kata nak berlumba jadi jodoh, berterabur lelaki yang lari atau 'kalau aku like, aku like, kalau tidak aku swap' bak lirik lagu Aliph.

Dan, barangkali juga menjadi 'pop corn' netizen wanita yang berasa seorang perempuan dengan status sedemikian sepatutnya 'lebih sopan' dan bersifat ketimuran. - MALIAH SURIP





**Pengarah:** S.T Bala  
**Pelakon:** Vanessa Cruz, Sivenesh Arunachalam, Halim Radzi  
**Genre:** Drama

Priya merindui kasih seorang bapa yang telah hilang sejak kecil. Walaupun keluarganya sudah menerima kehilangan bapanya, Priya tetap berpegang pada harapan untuk menemuinya semula, dan kerinduan itu banyak mempengaruhi keputusan hidupnya. Kenangan tentang sebuah keluarga yang pernah bahagia serta sikap baik hati bapanya terhadap orang lain masih segar dalam ingatan, membuatkan Priya nekad untuk kembali bersatu dengannya. Dengan sokongan kekasihnya, Raymond, serta rakan baharu yang ditemui sepanjang perjalanan, Priya memulakan sebuah pencarian penuh emosi untuk mencari bapanya yang hilang.



**Pengarah:** Michael Chaves  
**Pelakon:** Vera Farmiga, Patrick Wilson, Taissa Farmiga, Shannon Kook  
**Genre:** Seram/Misteri/Thriller

Ed dan Lorraine Warren telah lima tahun bersara daripada dunia supranatural sejak Ed diserang sakit jantung pada 1981. Mereka kini menjalani kehidupan tenang di Monroe, Connecticut bersama anak tunggal mereka, Judy, yang sedang bercinta dengan Tony, seorang bekas anggota polis. Namun di West Pittston, Pennsylvania, keluarga Smurl berdepan gangguan gaib yang mengerikan daripada poltergeist, muntah darah hingga ketidihan ketika tidur. Disebabkan masalah kewangan, mereka tidak mampu berpindah dan aduan kepada pihak gereja pula tidak mendapat respons memuaskan. Kisah mereka menjadi sensasi apabila dikongsi kepada media, tetapi keadaan di rumah semakin parah. Dalam masa yang sama, Lorraine mula merasakan sesuatu yang aneh pada Judy. Tanpa disangka, Ed dan Lorraine sekali lagi terheret ke dalam dunia lama mereka, berdepan ancaman yang mampu menggugat nyawa anak mereka sendiri.



**Pengarah:** A. Harsha  
**Pelakon:** Tiger Shroff, Sonam Bajwa, Sanjay Dutt, Harnaaz Sandhu  
**Genre:** Aksi/Thriller

Selepas terselamat daripada cubaan bunuh diri dilanggar kereta api, seorang lelaki yang dilanda kesedihan tenggelam dalam kekacauan apabila realiti mula kabur. Orang tersayanganya mula mempersoalkan apa yang benar, sementara sebuah kebenaran tersembunyi menariknya ke dalam jerat obsesi dan cinta yang tidak pernah padam.

## 'Kisah Penuh Kecewa' Pegang Carta, Jazmy Juma & Lagu KOPI Terus Trending!

Minggu ini, carta Gempak Most Wanted masih dikuasi oleh muzik video 'Kisah Penuh Kecewa' gandingan Ernie Zakri dan Anggi Marito diikuti Khai Bahar dengan 'Beri Sedikit Waktu' dan Datuk Seri Siti Nurhaliza menerusi 'Sesal'.

Dalam kategori drama, 'Hilang Dalam Rindu' mengungguli carta, disusuli karya popular seperti 'Thariq Ridzuwan' dan 'Setia Itu Mahal'.

Bagi dunia digital, nama-nama besar seperti Reina Lum (Motivation & Education), Sekys (Sports), Shabina (Entertainment), Bella Khan (Lifestyle) dan Najiha Saha (Beauty & Fashion) masing-masing meraih kedudukan nombor satu dalam kategori masing-masing.

Sementara itu, carta selebriti trending dibarisi Jazmy Juma di tangga pertama, mendahului Meerqueen dan Tracie Sinidol.

Untuk kategori lagu trending, 'KOPI' nyanyian Nazu dan Fahimi menjadi pilihan utama minggu ini, diikuti Misha Omar dengan 'Break' serta kolaborasi istimewa Datuk Seri Siti Nurhaliza bersama Ade Govinda menerusi 'Menamakanmu Cinta'.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO. Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda! Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### TOP 5 Video Muzik Trending

1. Kisah Penuh Kecewa - Ernie Zakri, Anggi Marito
2. Beri Sedikit Waktu - Khai Bahar
3. Sesal - Dato' Sri Siti Nurhaliza
4. Cak Cak Cekuk - Wani Kayrie
5. Renjana - Shiha Zikir

### TOP 5 Digital Creator Trending (Motivation & Education)


1. Reina Lum
2. Hafiz Baharuddin
3. BeDaie Ustaz Amar
4. Nora Mun
5. Osman Affan

### TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Sekys
2. Ankel S4m
3. Dibo
4. Rose
5. Ica

### TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Shabina
2. Sonic Webs
3. Warn
4. High Zoom
5. Risk Saidon



## TVS Warnai Saluran KITA Sepanjang Merdeka



Sempena sambutan bulan kemerdekaan dan kempen Inilah KITA, Astro membawakan kandungan istimewa dari TVS (TV Sarawak) sebagai penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan warisan rakyat Malaysia, khususnya dari Bumi Kenyalang.

Kerjasama erat ini memperkayakan saluran KITA dengan program penuh nilai dan inspirasi, menampilkan keunikan komuniti serta landskap Sarawak melalui sajian seperti Aroma Puncak Borneo, Journey of Bidayuh, Pejalai Kamek Orang dan siri enam episod Setenang Mata Memandang.

Raikan kemerdekaan dengan lebih bermakna di saluran KITA (CH100) — Inilah Kita Sehati Bersama.

## Astro Tawar Disney+ Hotstar & HBO Max Dari RM69.99

Astro memperkenalkan tawaran baharu sempena bulan kemerdekaan, membolehkan pelanggan menikmati Pek Entertainment Astro One beserta Disney+ Hotstar dan HBO Max bermula RM69.99/sebulan untuk 12 bulan.

Tawaran ini sah dari 2 September hingga 18 November 2025 dan hadir dengan dua pilihan pelan – Duo Basic serta Duo Premium – bagi memenuhi keperluan tontonan berbeza, termasuk akses multi-peranti.

Pelanggan boleh menstrim kandungan blockbuster, siri popular, drama Korea, filem Marvel Studios hingga koleksi penuh Harry Potter melalui Astro Ultra, Ulti Box atau aplikasi rasmi Disney+ Hotstar dan HBO Max.

Tawaran ini juga terbuka kepada pelanggan Astro One sedia ada yang boleh menambah Disney+ Hotstar dan HBO Max dengan hanya RM20/sebulan.

**astro one**

Hiburan Tanpa Henti dengan Nilai Epik

**RM69.99/bln**

Pakej termasuk:

- 95+ tontonan
- astro GO
- Hotstar
- HBO Max

Tertakluk pada terma dan syarat. Tawaran sah dengan terma minimum 12 bulan. Promosi berakhir pada 18 November 2025.

## Serumpun Temanya, Ini 5 Fakta Menarik Tentang Keretapi Sarong 2025!



Keretapi Sarong 2025 (KS25) kembali sempena Hari Malaysia dengan lebih meriah, penuh warna dan semangat perpaduan. Berikut lima perkara utama yang anda perlu tahu:

### 1. Tema Serumpun

KS25 meraikan tema 'Serumpun', menekankan identiti bersama rakyat Malaysia dan rantau ASEAN.

### 2. 11 Laluan Tren

Peserta berpakaian sarong berwarna-warni berkumpul di 11 stesen utama Lembah Klang, termasuk Subang Jaya dan Gombak, sebelum bergerak bersama ke Kuala Lumpur.

### 3. Tradisi Global

KS25 kini bukan lagi acara tempatan sahaja. Komuniti Malaysia di luar negara seperti Berlin dan Melbourne sudah menyertainya sejak 31 Ogos, manakala London dan Sydney dijangka menyusul pada 13 September. Tahun ini, sambutan juga berlangsung di George Town, Ipoh, Kuantan, Sungai Petani, Pasir Mas, Johor Bahru dan Melaka.

### 4. Medium Diplomasi Budaya

Selain menjadi acara rakyat, KS25 juga menjadi jenama budaya antarabangsa. Tren dan sarong dijadikan simbol unik untuk menunjukkan wajah Malaysia yang harmoni dan berbudaya tinggi di mata dunia.

### 5. Dari Hobi ke Fenomena

Apa yang bermula sebagai acara komuniti kini sudah menjadi fenomena tahunan nasional, malah dijangka terus berkembang sebagai sebahagian daripada sambutan Hari Malaysia setiap tahun.


## Kostum Bajau Sama Ke Miss Universe 2025

Rekaan Mell Sulaiman diumumkan sebagai pemenang Pertandingan Pereka Kostum Nasional Malaysia 2025, sekali gus dipilih untuk dipersembahkan di pentas Miss Universe ke-74 di Thailand hujung tahun ini.

Busana yang diilhamkan daripada lautan biru dan warisan Bajau Sama itu menampilkan tona biru-hijau, corak etnik merah, kuning, hitam serta hiasan kepala serimpak keemasan, melambangkan keberanian, kekuatan dan keanggunan budaya tersebut.

Pertandingan anjuran MUMO dengan kerjasama PPASM ini diadakan di Sabah International Convention Centre (SICC) sempena sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-68.





## Amin Abid

@aminxabid 

### The Experts: Konten 1 Minit, Usaha Berbulan! Amin Abid Kongsi Bagaimana Hasilkan Konten Untuk Nampak Konsisten

Dunia konten kreatif sering dilihat mudah namun di sebalik video singkat yang berdurasi satu minit itu ada usaha berbulan-bulan lamanya. Begitulah yang dikongsikan pengengaruh kembar, Amin Othman dan Abid Othman, mengenai perjalanan mereka menghasilkan konten DIY (Do It Yourself) yang sering menjadi perhatian di media sosial.

Berikut beberapa projek yang dilakukan oleh Amin Abid:

#### Muzium Coklat Nokona

Projek DIY paling lama yang pernah mereka hasilkan ialah Muzium Coklat Nokona, yang memakan masa 6 bulan untuk disiapkan. Projek tersebut dilakukan sepenuhnya secara handmade oleh mereka bersama ayah tercinta.

"Walaupun hanya menghasilkan tiga video berdurasi satu minit di TikTok, kami puas hati sebab semuanya dibuat dengan teliti dan kemas. Kadang-kadang orang tengok macam senang, tapi sebenarnya kerja tu menelan masa berbulan-bulan," jelas mereka.

#### Ngopi

Selain itu, projek 'Ngopi' yang mengambil masa dua bulan juga antara konten yang paling meninggalkan impak buat mereka. Walaupun hasilnya hanya dikompres menjadi video satu minit, keberanian mereka menghasilkan sesuatu yang unik berbaloi apabila konten itu meraih lebih 1 juta tanda suka hanya dalam tempoh sehari.

#### Ukiran Buah Tembikai Jadi Viral

Tidak semua konten memerlukan modal besar. Amin dan Abid berkongsi, salah satu konten paling berjaya mereka ialah ukiran buah tembikai menjadi bunga ros. "Video tu simple je, tapi mampu tarik lebih 80,000 pengikut baru. Dari situ kami belajar, buat konten tak semestinya perlukan modal besar. Idea itu lebih penting," kata mereka.


#### Strategi & Pesanan Buat Content Creator

Menyedari cabaran menghasilkan konten yang mengambil masa lama, mereka bijak menyeimbangkan dengan menghasilkan konten ringan sebagai "top up" agar tetap konsisten di media sosial.


"Kalau projek besar ambil masa 6 bulan, kami akan isi dengan konten ringan setiap minggu. Jadi penonton tetap ada sesuatu untuk ditonton, sementara kami siapkan projek utama," ujar mereka.

Buat mereka yang ingin ceburi bidang konten DIY, kembar ini menasihati supaya mulakan dengan sesuatu yang dekat dengan diri sendiri.

"Cari masalah kecil di sekeliling dan cuba jadikan ia solusi. Tak perlu complicated. Kadang-kadang benda simple pun boleh masuk FYP (For You Page). Paling penting, ingat satu benda slowly but surely," pesan mereka.'




## Malaysians Send Food Amid Unrest



Malaysians have been praised for showing solidarity during Indonesia's recent unrest by sending meals through delivery apps like Grab and Gojek to riders and affected communities.

Many included notes asking the food to be enjoyed or shared, touching hearts and going viral on social media as Indonesians expressed gratitude.

The gestures offered hope and unity amid violent protests over rising living costs and parliament's housing allowance hike, which intensified after the death of motorbike courier Affan Kurniawan and several others.



## Meet Blossom Wong, Malaysia's Real-Life Spy Queen

Malaysia's very own undercover operative, Blossom Wong (born Wong Kooi Fong), made her mark in the Special Branch during the 1950s, infiltrating criminal rings and earning a formidable reputation while sporting her signature cheongsam.

She skillfully led anti-vice raids across Kuala Lumpur—rescuing underage victims and shutting down brothels—before pioneering Malaysia's first rape investigation unit and introducing DNA technology to crimes involving sexual violence.

After 36 years of dedicated service, she retired as a police superintendent in 1993 and now enjoys a quieter life, surrounded by her gardening and her veterinarian daughter.



## Uncle Mike's Story Reminds Us What Merdeka Means

Astro Shaw's *Abah Saya, Uncle Mike*, based on the real story of Michael Tong Wai Siong, is a touching Merdeka film about a Chinese man who lovingly raises three Malay orphans while honoring their Islamic faith, proving that family is defined by love, not blood.

Andy Teh delivers a powerful performance as Uncle Mike, with authentic praise even from the real-life subject, while young Idan Aedan shines as the emotional heart of the film portraying Rafei.

This heartfelt tale celebrates Malaysia's multicultural spirit, reminding viewers that empathy and unity still matter most.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com).